



**KAJIAN KERATAN RENTAS MENGENAI MASALAH  
PERLAKUAN DI KALANGAN REMAJA DI JERJEH,  
BELAWAI, SARAWAK: FAKTOR-FAKTOR RISIKO DAN  
PERSEPSI IBUBAPA**

**4 SEPTEMBER - 20 OKTOBER 2000**

**Kumpulan Belawai  
Pelajar Tahun 4  
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)**



P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK

UNIMAS



1000260522



**KAJIAN KERATAN RENTAS MENGENAI MASALAH  
PERLAKUAN DI KALANGAN REMAJA DI JERIJEH,  
BELAWAI, SARAWAK: FAKTOR-FAKTOR RISIKO DAN  
PERSEPSI IBUBAPA**

**4 SEPTEMBER – 20 OKTOBER 2000**

Kumpulan Belawai  
Pelajar Tahun 4  
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)



**KAJIAN KERATAN RENTAS MENGENAI MASALAH  
PERLAKUAN DI KALANGAN REMAJA DI JERIJEH,  
BELAWAI, SARAWAK: FAKTOR-FAKTOR RISIKO DAN  
PERSEPSI IBUBAPA**

**4 SEPTEMBER – 20 OKTOBER 2000**

Abg Mohd Affendi b. Abang Yusop  
Adibah Ali  
Amelia Karen Gau  
Dayang Suhana Abang Madzhi  
Essazul Imran Mat Aris

Joyce Ee Sze Zing  
Maini Sabait  
Sharifah Ashrina Wan Ali  
Vijayan Manogran  
Wong Siong Teck

Kumpulan Belawai  
Pelajar Tahun 4  
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

## **PENGAKUAN**

Kami mengakui bahawa karya ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali rujukan yang telah diterangkan dalam bahagian-bahagian seterusnya.

**22 Oktober, 2000**

**Abang Mohd. Affendi Abang Yusup**

**Adibah Ali**

**Amelia Karen Gau**

**Dayang Suhana Abang Madzhi**

**Essazul Imran Mat Aris**

**Joyce Ee Sze Zing**

**Maini Sabait**

**Sharifah Ashrina Wan Ali**

**Vijayan Manogran**

**Wong Siong Teck**

## PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNya kajian ini dapat disempurnakan. Terlebih dahulu, ingatan tulus ikhlas dan ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) atas kerjasama dan sokongan padu yang diberikan untuk menyempurnakan kajian ini.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr Hashami Bohari, selaku penyelaras Posting Komuniti Dan Kesihatan Masyarakat di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan. Selain itu, penghargaan ini juga ditujukan kepada Dr Mariah Ahmad, Puan Rasidah Abdul Wahab dan Profesor Madya Dr Chang Moh Seng di atas bantuan serta nasihat yang telah diberikan kepada kami bagi melancarkan proses kajian ini.

Jutaan terima kasih turut ditujukan kepada Pembantu Perubatan Yang Menguasa Klinik Kesihatan Belawai, Encik Abdul Rahman Mohd. Rais serta kakitangan Klinik Kesihatan Belawai kerana sudi membantu serta memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada kami.

Sekalung penghargaan turut ditujukan kepada Penghulu Kampung Jerijeh Baru, Encik Razali bin Awang Damit, Ketua-ketua Kaum, Tuai Rumah Jugah, ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung serta penduduk-penduduk kampung atas kebenaran untuk menjalankan kajian dan layanan yang baik lagi mesra semasa kami menjalankan kajian.

Tidak lupa juga kami ingin merakamkan terima kasih kepada SMK Belawai, SK Abang Buyuk, SK Abang Gesa, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jabatan Penerangan, Jabatan Kerja Raya, Pasukan Rela, pihak polis Belawai dan Encik Albert Jugah Paon dari UNIMAS atas bantuan untuk sama-sama menjayakan program intervensi kami.

Selain itu, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Pegawai Tadbir Sarawak, Encik Yaainie bin Ramlie diatas bantuan yang diberikan dalam menjalankan program intervensi.

Ucapan ribuan terima kasih turut ditujukan kepada pihak-pihak yang tertentu yang turut terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam projek komuniti kami serta semua individu-individu dan syarikat-syarikat yang telah memberi sumbangan bagi menjayakan kajian ini.

Akhir kata, sekalung tahniah diucapkan kepada semua ahli kumpulan di atas komitmen, dedikasi dan sokongan yang tidak berbelah bagi untuk menjayakan kajian ini.



## ABSTRAK

Satu kajian keratan rentas mengenai kadar prevalen masalah perlakuan, faktor risiko dan persepsi ibu-bapa ke atas remaja berumur 13 - 19 tahun di Kampung Jerijeh telah dijalankan dari 4 September - 20 Oktober 2000 oleh mahasiswa dan mahasiswi perubatan tahun 4 Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS. Seramai 78 orang responden remaja dan 108 responden ibu-bapa telah dikaji menggunakan teknik persampelan universal. Seramai 24 orang responden terpaksa digugurkan daripada kajian ini setelah tiga kali percubaan menemuramah gagal. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah temuramah menggunakan kertas soal selidik. Dua set kertas soal-selidik berlainan digunakan untuk responden remaja dan responden ibu-bapa. Hasil kajian menunjukkan 24.9% responden menyalahgunakan alkohol, 2.6% pernah menghidu gam, 33.3% pernah merokok dan 52.6% mempunyai masalah disiplin. Kajian ini mendapati kaitan yang signifikan dari segi statistik terhadap umur dan sikap responden dengan masalah disiplin. Tiada kaitan yang signifikan di antara pengetahuan dan sikap responden dengan masalah disiplin, salahguna alkohol, merokok dan menghidu gam. Lebih ramai responden lelaki mempunyai masalah perlakuan berbanding responden perempuan. Faktor penyebab bagi masalah perlakuan yang dikenalpasti ialah untuk menghilangkan kebosanan, ingin mencuba dan pengaruh rakan-rakan. Majoriti responden ibubapa tidak mengetahui kewujudan masalah perlakuan pada anak mereka. Satu program intervensi yang bertemakan 'Remaja Berwawasan Tunggal Negara' telah dijalankan pada 24 September - 8 Oktober 2000 dengan tujuan mengubah sikap dan mempertingkatkan pengetahuan remaja terhadap masalah perlakuan.

## ABSTRACT

(A cross sectional study on the prevalence of behavioural problems, the risk factors and perception of parents towards adolescent aged 13 - 19 years old in Kampung Jerijeh was done from 4 September-20 October 2000 by Year 4 Medical Students of Faculty of Medicine and Health Sciences.) UNIMAS. 108 parents and 78 teenage respondents were studied using universal sample technique. 24 respondent had to be excluded, as they could not be found for interview after three trials. This study was done by questionnaire cum interview technique. Two different sets of questionnaire were used for the adolescent respondent and parent respondent. Results of the study shows that 24.9% of respondent have taken alcohol before, 2.6% had sniffed glue, 33.3% had smoked and 52.6% had disciplinary problems. This study shows a statistically significant association between age and attitude with disciplinary problems. There are no significant association between knowledge of respondents with disciplinary problem. There are also no significant association between knowledge and attitude of respondents with disciplinary problems, alcohol abuse, smoking and glue sniffing. More male adolescent respondents had behavioural problems compared to their female counterparts. Some factors for these behavioural problems were identified as boredom, curiosity to try something different and peer influence. The majority of the parent respondents were not aware of behavioural problems in their children. An intervention program with the theme of 'Remaja Berwawasan Tunggal Negara' was held from 24 September - 8 October 2000 with the objective to increase the attitude and to increase the knowledge of adolescents regarding behavioural problems.



## KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGAKUAN</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	ix
<b>BAB I            PENGENALAN</b>	
1.1            Pengenalan Topik	1
1.2            Latarbelakang Kawasan Kajian	1
1.3            Aspek Dalam dan Luar Negara	2
<b>BAB II            PERNYATAAN MASALAH DAN BAHAN PERPUSTAKAAN</b>	
2.1            Pernyataan Masalah	7
2.2            Rujukan Perpustakaan	9
<b>BAB III            OBJEKTIF, HIPOTESIS &amp; METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1            Objektif Umum	13
3.2            Objektif Spesifik	13
3.3            Hipotesis	14
3.4            Metodologi Kajian	14
<b>BAB IV            HASIL KAJIAN</b>	
4.1            Pengenalan	20
4.2            Latar belakang Sosio-Demografi	21
4.3            Salahguna Alkohol	23



4.4	Masalah Mengidu Gam	30
4.5	Masalah Merokok	31
4.6	Masalah Disiplin	35
4.7	Persepsi Iubapa	42
<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	49
5.2	Salahguna Alkohol	49
5.3	Masalah Menghidu Gam	51
5.4	Masalah Merokok	52
5.5	Masalah Disiplin	53
5.6	Persepsi Iubapa	55
<b>BAB VI</b>	<b>LIMITASI DAN SARANAN</b>	
6.1	Pengenalan	56
6.2	Limitasi dan Saranan	57
<b>BAB VII</b>	<b>KESIMPULAN</b>	59
<b>BIBLIOGRAFI</b>		61
<b>LAMPIRAN</b>		
A	Peta Kawasan Kajian	62
B	Soal Selidik Kajian (Remaja)	63
C	Soal Selidik Kajian (Iubapa)	70
D	Carta Gantt	74
E	Gambar Aktiviti Kajian	75



## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
4.1	Perkaitan Antara Responden Yang Masih Meminum Alkohol dengan Jantina	26
4.2	Perkaitan Umur Dan Pengambilan Alkohol	26
4.3	Perkaitan Antara Salahguna Alkohol Dan Pencapaian Akademik	27
4.4	Pengetahuan Tentang Keburukan Alkohol Di Kalangan Responden Remaja Di Jerijeh	28
4.5	Pengetahuan Tentang Keburukan Alkohol Di Kalangan Pengguna Alkohol Remaja Di Jerijeh	29
4.6	Faktor-faktor Penyebab Salahguna Alkohol Di Kalangan Peminum Alkohol	30
4.7	Faktor-faktor Penyebab Masalah Merokok	34
4.8	Perkaitan Antara Masalah Disiplin Dengan Jantina	36
4.9	Masalah Disiplin Mengikut Umur	37
4.10	Kaitan Antara Masalah Disiplin Dan Pencapaian Akademik	38
4.11	Kaitan Antara Masalah Disiplin Dengan Pengetahuan Tentang Masalah Disiplin	40
4.12	Kaitan Antara Masalah Disiplin Dengan Sikap	40
4.13	Kaitan Antara Masalah Disiplin (Mengikut Kategori) Dengan Sikap Terhadap Masalah Disiplin	41
4.14	Faktor-faktor Penyebab Masalah Disiplin (Mengikut Kategori)	42
4.15	Masalah Perlakuan Di Kalangan Remaja Berdasarkan Pandangan Ibubapa Di Kampung Jerijeh	43
4.16	Persepsi Ibubapa Di Kampung Jerijeh Tentang Masalah Perlakuan Di Kalangan Remaja	46
4.17	Penilaian Masalah Perlakuan Remaja Oleh Ibubapa	46



## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
2.1	Rangkaian Masalah Berkenaan Dengan Masalah Perlakuan Di Jerijeh	8
4.1	Pecahan Umur Responden Di Kampung Jerijeh	22
4.2	Bangsa Responden	23
4.3	Prevalen Masalah Merokok Mengikut Umur	32
4.4	Prevalen Masalah Disiplin Mengikut Kategori	35



# **BAB I**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pengenalan Topik**

Masalah perlakuan merupakan satu masalah yang semakin meningkat terutamanya di kalangan remaja. Masalah ini tidak terhad kepada negara Malaysia sahaja malah ia terdapat di serata pelusuk dunia. Secara dasarnya masalah perlakuan ditakrifkan sebagai suatu masalah yang merupakan perlakuan negatif yang terpesong daripada norma atau harapan sesuatu keluarga. Manakala Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan masalah perlakuan sebagai masalah yang melibatkan tingkah laku sosial yang termasuk perlakuan yang melanggar undang-undang. Ini termasuk menghisap rokok, masalah disiplin dan penyalahgunaan bahan seperti alkohol serta menghidu gam seperti yang akan dilakukan pada kajian ini.

### **1.2 Latarbelakang Kawasan Kajian**

Bahagian Sarikei dibahagikan kepada 4 daerah iaitu Meradong, Sarikei, Julau dan Daro. Belawai merupakan salah sebuah daerah kecil dalam daerah Sarikei. Ia dibahagikan kepada 3 kampung kecil iaitu Kampung Rejang, Jerijeh dan Belawai.

Jerijeh merangkumi dua kawasan penempatan iaitu Kampung Jerijeh dan Rumah Jugah dan mempunyai populasi sebanyak 885 orang. Kampung ini mempunyai 3 jalan utama iaitu Jalan Sri Berjaya, Sri Muhibbah dan Sri Bahagia. Majoriti penduduk Kampung Jerijeh merupakan kaum Melanau Muslim yang menduduki kira-kira 137 buah rumah di



sana. Selain itu, Rumah Jugah yang mempunyai 21 pintu didiami oleh penduduk kaum Iban beragama Kristian.

Kampung Jerijeh Baru merupakan sebuah penempatan semula yang disediakan oleh kerajaan pada tahun 1970an. Kampung Jerijeh yang asal merupakan sebuah penempatan nelayan yang terletak di tepi pantai. Akibat hakisan daripada ombak, penduduk kampung tersebut telah dipindahkan ke penempatan semula iaitu Kampung Jerijeh yang ada kini. Sebelum penempatan semula, pekerjaan utama penduduk di Kampung Jerijeh adalah nelayan. Setelah dipindahkan, setiap penduduk telah diberi sebidang tanah seluas 5 ekar untuk diusahakan. Beberapa agensi kerajaan telah membantu penduduk kampung berkenaan dari segi teknikal dan tunjuk ajar. Kini, pekerjaan utama kebanyakan penduduk Kampung Jerijeh ialah petani kecil-kecilan. Namun begitu, masih ada penduduk yang menangkap ikan secara sambilan.

### **1.3 Aspek Dalam dan Luar Negara**

#### **1.3.1 Masalah Pengambilan Alkohol**

Menurut laporan daripada '*National Household Survey on Drug Abuse*' yang dijalankan secara tahunan di Amerika Syarikat oleh '*Substance Abuse Mental Health Services Administration*' (SAMHSA) (1998), didapati bahawa lebih kurang 113 juta remaja yang berumur 12 tahun ke atas mengambil alkohol. Laporan yang sama juga telah menunjukkan bahawa kadar penggunaan alkohol adalah lebih tinggi di kalangan penduduk luar bandar jika dibandingkan dengan penduduk bandar. Ini merupakan suatu masalah yang amat membimbangkan kerana pada dasarnya alkohol adalah lebih mudah diperolehi di kawasan bandar.



Kadar prevalen tempatan bagi pengguna alkohol dan masalah yang berkaitan dengannya tidak diketahui kerana tiada kajian yang dijalankan mengenainya ditemui. Walaubagaimanapun, Persatuan Pengguna Malaysia menganggarkan terdapat 200,000 penagih alkohol di Malaysia, di mana 50% terdiri daripada kaum India, 25% kaum Cina dan 9% kaum Melayu. Tiada komuniti yang benar-benar bebas daripada pengambilan alkohol dan masalah yang berkaitan dengannya. Oleh kerana kaum Melayu beragama Islam dan mempunyai larangan agama yang kuat terhadap pengambilan alkohol, mereka kurang dipengaruhi berbanding dengan dengan kaum India dan Cina (Saroja & Kyaw, 1993).

Kajian yang dijalankan oleh Saroja juga menunjukkan satu penemuan yang menakjubkan iaitu kaum Melayu yang beragama Islam menyumbang 26% daripada pengambil alkohol dan 20% daripada penyalahguna alkohol serta ketagih padanya. Ini menggambarkan suatu budaya yang membimbangkan, di mana terdapat peningkatan dalam penggunaan alkohol di kalangan masyarakat Melayu apabila dibandingkan dengan kajian yang telah dibuat terdahulu (Saroja & Kyaw, 1993).

Selain daripada itu, terdapat juga kajian yang menunjukkan budaya pengambilan alkohol telah menular di kalangan pelajar sekolah menengah dan kebanyakannya terdiri daripada pelajar lelaki. Sehingga kini, masih tiada penyelidikan yang dijalankan secara khusus terhadap kaum Melanau. Oleh itu, penyelidikan ini diharap dapat memberikan maklumat mengenai kadar pengambilan alkohol di kalangan remaja kaum Melanau iaitu kaum majoriti populasi Kampung Jerijeh.



### 1.3.2 Masalah Merokok

Masalah merokok juga merupakan masalah global yang perlu diambil perhatian secara serius. Ia seolah-olah merupakan suatu tren pada masa kini di mana ianya bukan sahaja diamalkan oleh golongan dewasa yang sudah bekerja malahan menjadi ikutan oleh golongan remaja. Seperti yang diketahui, remaja yang berumur 18 tahun dan kebawah tidak dibenarkan membeli atau menghisap rokok menurut undang-undang negara.

Berdasarkan maklumat dari SAMSHA (1998), kira-kira 60 juta rakyat Amerika berumur 12 tahun dan ke atas melaporkan menghisap rokok sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 30 hari sebelum temuramah. Dalam kajian yang sama dianggarkan sebanyak 4.1 juta remaja di Amerika Syarikat yang berumur di antara 12 – 17 tahun menghisap rokok pada tahun 1998. Kadar merokok di kawasan luar bandar didapati lebih tinggi daripada kawasan bandar.

Sehingga kini, tiada penyelidikan rasmi yang menyeluruh yang dapat menggambarkan tahap keseriusan situasi sebenarnya tentang masalah perlakuan di negara ini. Menurut '*Malaysian's Health 1998*' (Ministry of Health, 1998), umur permulaan merokok di kalangan penduduk adalah semakin muda. Kadar prevalen merokok pula lebih tinggi di kawasan luar bandar (35.4%) berbanding dengan kawasan bandar (26.7%). Bilangan perokok lelaki mencapai 14 kali ganda berbanding bilangan perokok perempuan. Kadar prevalen merokok di kalangan remaja pula mencatat 16.7%.



### 1.3.3 Salahlaku Menghidu Gam dan Masalah Disiplin

Disiplin adalah penting bagi pelajar-pelajar sekolah untuk membentuk sikap yang baik. Sekolah merupakan salah satu tempat di mana sikap positif dapat dipupuk di kalangan pelajar. Masalah disiplin seringkali dilaporkan berlaku di kalangan pelajar sekolah. Masalah-masalah yang dibuat adalah pelbagai termasuk mencuri, bergaduh hingga ke masalah yang lebih besar yang boleh melibatkan pihak berkuasa.

Walaupun tiada statistik rasmi yang diperoleh tentang masalah tersebut di Malaysia, namun begitu kejadian masalah disiplin dijangka meningkat setiap tahun. Ini jelas dengan peningkatan frekuensi mengenai berita masalah disiplin yang disiarkan melalui media massa setiap hari.

Salahlaku menghidu gam merupakan perkara yang sering didengar berlaku di kalangan remaja sekarang. Gam merupakan pelarut (*'solvent'*) yang boleh mengkhayalkan penghidunya. Ia mudah didapati dan dijual dengan harga yang rendah.

Mengikut *'Malaysia's Health 1998'* (1998), kadar prevalen penghiduan gam serta penyalahgunaan dadah dilaporkan sebanyak 2.2% di kalangan remaja. Namun demikian, tiada kajian yang terperinci dijalankan bagi menentukan prevalen masalah penghiduan gam sahaja terutama di kawasan luar bandar.

Berkenaan dengan masalah menghidu gam, SAMHSA (1998) telah mendapati bahawa kadar remaja yang terlibat telah berkurangan daripada tahun 1997 kepada



tahun berikutnya. Walaubagaimanapun, didapati bahawa terdapat peningkatan dalam penggunaan ganja, amfetamin dan pil 'Ecstasy' dan ini termasuk juga penyalahgunaan dadah yang dihidu pada tahun 1998 di negara-negara Eropah (*'European Monitoring Centre for Drugs and Drugs Addiction'*).

Pada dasarnya, masalah perilaku yang telah dibincangkan merupakan sesuatu yang penting untuk ditangani. Komplikasi daripada masalah perlakuan adalah seperti peningkatan kadar kemalangan, ketagihan, penderaan domestik, peningkatan kadar pelbagai penyakit seperti kanser paru-paru daripada amalan merokok dan lain-lainnya.

Remaja zaman ini berhadapan dengan risiko yang tinggi untuk terjerumus ke dalam kancas masalah perlakuan kerana mereka sedang mengalami proses perubahan fisiologi, fizikal dan emosi. Oleh itu, pengetahuan dan data yang jelas dan terkini dalam bidang ini adalah penting untuk membawa perubahan ke dalam budaya, corak dan faktor-faktor yang mempengaruhi masalah perlakuan. Tanpa data seperti ini, adalah mustahil untuk merekabentuk dan menilai langkah-langkah pencegahan atau intervensi yang efektif.



## **BAB II**


### **PERNYATAAN MASALAH DAN RUJUKAN PERPUSTAKAAN**

#### **2.1 Pernyataan Masalah**

Pada umumnya, masalah perlakuan sekarang ini semakin rumit. Peningkatan masalah ini walaupun belum ketara, namun telah mencapai suatu tahap yang membimbangkan. Perkara ini jika tidak ditangani dengan segera akan menjadi lebih serius. Faktor pembangunan yang pesat, globalisasi dan peningkatan pengaruh media massa menyebabkan keluarga menjadi kurang bersedia untuk mendidik anak-anak menghadapi perubahan tersebut. Perkara ini amat penting untuk diberikan perhatian terutamanya di kawasan luar bandar. Ini kerana secara umumnya, tahap pendidikan ibu bapa di luar bandar adalah pada tahap yang sederhana atau rendah.

Kajian di peringkat luar negara menunjukkan bahawa faktor-faktor yang membawa kepada masalah perlakuan boleh dicegah. Data yang diperolehi dari kajian tempatan tidak mencukupi dan amat terhad. Disebabkan faktor tersebut, amat sukar bagi seseorang menilai keseriusan masalah ini yang semakin meningkat. Selain itu, banyak lagi faktor-faktor lain yang mempengaruhi masalah ini tetapi tidak pernah dikaji secara mendalam.





Rajah 2.1 Rangkaian Masalah Berkenaan Dengan Masalah Perlakuan di Jerijeh.



## 2.2 Rujukan Perpustakaan

Dewasa ini, masalah perlakuan semakin menjadi-jadi di Malaysia. Namun begitu, kajian tempatan mengenai kadar prevalen dan pola yang lengkap tentang masalah ini tidak banyak diperolehi. Setakat ini, kajian-kajian yang telah dilakukan hanya berkaitan dengan pecahan topik masalah perlakuan seperti merokok, masalah penyalahgunaan bahan dan masalah disiplin. Begitu juga keadaannya di Sarawak di mana kajian terperinci mengenai masalah perilaku tidak dapat diperolehi.

Menurut laporan kajian yang sedia ada, kadar prevalen pengambilan alkohol meningkat daripada 5% di kalangan remaja berumur 11 tahun kepada 80% di kalangan remaja yang berumur 16 tahun (Swadi, 1998). '*Office of Population Censuses 2<sup>nd</sup> Survey*' (1985) turut melaporkan kadar dan tren yang sama. Data yang dikeluarkan oleh SAMHSA pada tahun 1998 menunjukkan 10.5 juta pengguna alkohol berumur di antara 12 - 20 tahun. Ini merupakan satu nilai yang amat tinggi kerana remaja yang berumur 12 - 18 tahun adalah dilarang untuk membeli dan mengambil alkohol.

Jika dibandingkan dengan penyalahgunaan alkohol, maklumat statistik menghidu gam sukar diperolehi. Oleh itu, kadar prevalen dan tren bagi menghidu gam di peringkat tempatan tidak dapat dikenalpasti. Gam yang merupakan bahan yang senang diperolehi menimbulkan masalah apabila disalahgunakan. Penggunaanya juga tidak dapat dilarang atau dihalang sepenuhnya. Di Malaysia, menghidu gam merupakan masalah yang dipertanggungjawabkan kepada Agensi Dadah Kebangsaan.

Merujuk kepada permasalahan disiplin yang merupakan masalah ketiga yang akan dikaji, kadar prevalen masalah disiplin terus meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 1998,

terdapat 334 kes juvenil yang melibatkan remaja yang berumur 10 - 18 tahun di Sarawak. Tahun lalu pula mencatat 432 kes. Daripada jumlah tersebut, 164 kes melibatkan pelajar yang masih di bangku sekolah. Sehingga Julai 2000, 194 kes juvenil direkodkan (*'Sarawak Tribune'*, 31 Ogos 2000). Walaupun jumlah ini belum berada di tahap yang membimbangkan, ia perlu diambil berat memandangkan bahawa terdapat banyak lagi kesalahan yang tidak dilaporkan atau tidak diketahui. Kajian luar negara pula menunjukkan kadar prevalen masalah disiplin berkurang apabila usia seseorang remaja itu semakin meningkat. Menurut Barkley (1990), kanak-kanak yang lebih muda menunjukkan lebih banyak masalah perlakuan berbanding dengan kanak-kanak yang lebih tua pada kajian susulan.

Jika dibandingkan di antara lelaki dan perempuan, remaja lelaki didapati lebih banyak terbabit dengan masalah perlakuan. Remaja lelaki didapati bersikap kurang terbuka dan tidak gemar bersosial, tetapi dapat menilai masalah dengan lebih optimis berbanding dengan remaja perempuan. Apabila masalah yang lebih serius timbul, remaja lelaki didapati lebih cenderung untuk mengambil alkohol atau dadah (Seiffge-Krenke, 1995). Penulis turut menyatakan bahawa remaja perempuan sebaliknya akan mencari orang lain untuk mendapatkan pertolongan.

Faktor-faktor persekitaran seperti kekurangan kemudahan hiburan dan kegiatan sosial, pengaruh iklan dan mudah untuk mendapatkan bekalan telah dikaji sebelum ini dan didapati mempengaruhi kadar prevalen masalah perlakuan. Kenyataan ini disokong oleh kajian Michael Rutter (1982) yang menyatakan kawasan yang mempunyai masalah perlakuan yang tinggi merupakan kawasan yang kekurangan kemudahan beriadah.



Faktor yang seterusnya ialah kelemahan dalam aspek pembelajaran. Terdapat hubungan yang kuat antara kelemahan dalam pelajaran dengan masalah perlakuan. Walaupun hubungan ini mempunyai pelbagai mekanisma yang kurang difahami, faktor ini mungkin merupakan kesan daripada masalah membaca yang serius, di mana ia mempengaruhi masalah emosi dan perilaku melalui pengalaman kegagalan di sekolah dan pandangan serong yang disebabkan olehnya (Rutter, 1982). Kenyataan ini juga disokong oleh teori yang menyatakan bahawa taraf kecerdikan (*'Intelligence Quotient - IQ'*) yang rendah mempunyai kaitan dengan kemunculan awal masalah perlakuan (Kratzer & Hodgins, 1999).

Sebanyak 10 - 15% daripada penduduk Kampung Jerijeh merupakan golongan remaja yang berumur diantara 13 - 19 tahun. Golongan remaja ini adalah bakal pengganti masyarakat dewasa yang sedia ada untuk membantu membangunkan Kampung Jerijeh di masa akan datang. Adalah amat penting bagi golongan remaja masa kini untuk memperbaiki serta melengkapkan diri untuk menghadapi cabaran yang bakal hadir. Masalah perlakuan merupakan masalah utama di kalangan remaja di Kampung Jerijeh. Masalah-masalah ini merangkumi merokok, mengambil minuman beralkohol, menghidu gam serta masalah disiplin seperti bergaduh, mencuri dan merosakkan harta benda awam. Sekiranya masalah-masalah ini dibiarkan berterusan, ini akan mendatangkan kesan buruk bukan sahaja terhadap diri mereka sendiri malah juga memudaratkan keluarga serta masyarakat sekeliling. Masalah perlakuan boleh menyumbang kepada masalah kesihatan para remaja sendiri terutamanya penyakit mental kesan daripada pengambilan alkohol dan menghidu gam. Selain daripada itu, mereka juga akan dipandang rendah oleh masyarakat dan pembangunan akhlak menjadi terbantut. Ini boleh menyebabkan nama keluarga mereka tercemar serta menambahkan kos beban perbelanjaan masalah kesihatan kesan daripada masalah perlakuan mereka. Keamanan dan keselamatan masyarakat

kampung juga akan terganggu atau terancam. Pembangunan kampung juga akan terbantut kerana banyak masa diperlukan untuk memperbaiki masalah remaja ini.